

**SULIT**

**MODUL PINTAS TINGKATAN 5 (SET 1)**

**1103/2(PP)**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Peraturan Pemarkahan**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi \_\_\_\_\_ halaman bercetak.

**Markah penuh: 100 markah**

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagikan kepada

- Soalan 1 : 6 markah
- Soalan 2 : 6 markah
- Soalan 3 : 11 markah
- Soalan 4 : 6 markah
- Soalan 5 : 6 markah

### Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif terbitan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Sengaja menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan pada kata, berikan 0 markah.
8. Kata digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

### Soalan 1 – Morfologi

#### Kata Adjektif Terbitan

- (i) **termasyhur**
  - berkenaan seseorang atau sesuatu dalam keadaan diketahui ramai, tersebar ke merata-rata tempat, diiktiraf berciri hebat dsb; ternama; tersohor
- (ii) **kebaratan**
  - bercirikan cara hidup, nilai dan budaya barat
- (iii) **secanggih**
  - sama canggih seperti; sangat canggih seperti
- (iv) **setinggi**
  - sama tinggi dengan; sangat tinggi seperti; sangat tinggi
- (v) **tertinggi**
  - paling tinggi ukuran fizikal sesuatu seperti tubuh, pokok atau bangunan;
  - paling atas kedudukan, taraf, tingkat dsb
- (vi) **tertua**
  - paling tua
- (vii) **gemuruh**
  - (berkenaan bunyi tepukan, sorakan, guruh dll) amat kuat
  - (berkenaan perasaan seseorang) berdebar-debar kerana terlalu takut atau bimbang Ketika menghadapi seseorang atau sesuatu

[Maksimum : 3 markah]  
(Mana-mana tiga yang betul)

**Contoh jawapan:**

<b>Kata Adjektif Terbitan</b>	<b>Ayat</b>
Termasyhur	Pada zaman dahulu, Kedah <b>termasyhur</b> sebagai pusat perniagaan dan pusat pengajian agama.
Kebaratan	Cara hidup Liza dan keluarganya sungguh <b>kebaratan</b> sehingga sebahagiannya bercanggahan dengan norma masyarakat timur.
Secanggih	Sistem pengangkutan yang ada pada masa itu tidaklah <b>secanggih</b> hari ini. Kajian seperti ini sukar dilakukan tanpa bantuan peralatan yang <b>secanggih</b> ini.
Setinggi	Ombak <b>setinggi</b> bumbung rumah datang bergulung-gulung sebanyak tiga kali. Cita-citanya <b>setinggi</b> awan tetapi dia tidak pernah menunjukkan kesungguhan untuk merealisasikannya.
Tertinggi	Lelaki itu direkodkan sebagai manusia <b>tertinggi</b> dalam sejarah. Yasmin berjaya memperoleh markah <b>tertinggi</b> dalam peperiksaan Matematik baru-baru ini. Barisan pengurusan <b>tertinggi</b> jabatan tersebut sebulat suara untuk menjatuhkan tindakan tatatertib kepada pegawai itu.
Tertua	Wanita yang dinobatkan sebagai manusia <b>tertua</b> di dunia itu telah meninggal dunia pada usia 114 tahun. Pokok getah <b>tertua</b> yang ditanam di Malaysia masih wujud di Kuala Kangsar.
Gemuruh	Sorak-sorai mereka terlalu <b>gemuruh</b> bunyinya, seperti halilintar membelah bumi. Perasaannya sangat <b>gemuruh</b> semasa menyambut kelahiran Cahaya matanya yang pertama. Azman melangkah naik ke pentas dengan perasaam yang <b>sangat</b> gemuruh.

**[Maksimum : 3 markah]****Soalan 2 – Sintaksis**

		<b>Markah</b>
(i)	<b>Subjek:</b> Kreativiti dan inovasi	<b>1</b>
	<b>Predikat:</b> ialah perkara yang sangat diperlukan dalam semua bidang kehidupan manusia	<b>1</b>
(ii)	<b>Subjek:</b> Kreativiti	<b>1</b>
	<b>Predikat:</b> memerlukan daya imaginasi yang tinggi dan kebolehan membina hubungan baharu terhadap maklumat lama dan sedia ada	<b>1</b>
(iii)	<b>Subjek:</b> kita	<b>1</b>
	<b>Predikat:</b> perlu menggunakan minda kreatif dan daya imaginasi tinggi melalui inovasi	<b>1</b>

**[Maksimum : 6 markah]**

### Soalan 3 – Penyuntingan

<b>BIL</b>	<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>	<b>Penjelasan (untuk rujukan guru)</b>
1	mana	mana-mana	“mana” ialah kata tanya
2	beratus	beratus-ratus	kesalahan penggunaan kata ganda separa
3	sunyi-sepi	sunyi sepi	Perkataan “sepi” boleh berdiri sendiri. “Sunyi sepi” merupakan satu rangkaian kata, bukan kata ganda. Hanya kata ganda yang memerlukan tanda sempang “-”.
4	segala sempadan-sempadan	segala sempadan	“segala” sudah membawa makna jamak
5	membuktikan yang	membuktikan bahawa	Kesalahan penggunaan kata hubung pancangan
6	bergantung kepada	bergantung pada	Kesalahan penggunaan kata sendi nama
7	adalah	ialah	Kesalahan penggunaan kata pemerii
8	professor	profesor	Kesalahan ejaan kata pinjaman
9	dari	daripada	“dari” hanya digunakan di hadapan kata yang membawa makna arah, tempat dan masa
10	tren	trend	Kesalahan ejaan kata pinjaman
11	meneliti semula bidang pendidikan kita	meneliti bidang pendidikan kita semula	Kata kerja transitif “meneliti” mesti terus diikuti frasa nama sebagai objeknya
12	di dalam pendidikan	dalam pendidikan	“Pendidikan” bersifat abstrak, tiada konsep ruang. Maka, kata sendi nama “di” tidak diperlukan.

**Jumlah 12 kesalahan**

**[Maksimum : 11 markah]**

**(mana-mana 11 yang betul)**

**Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan**

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
	6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

**Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**

Baginda bertitah kepada Temenggung, “Wahai, Temenggung! Arahkan orang kamu/ Temenggung dan semua saudagar berkawal di kampung masing-masing!” Temenggung menyuruh orangnya memberitahu orang kaya-kaya dan saudagar agar/supaya berkawal di kampung masing-masing. Apabila malam, Temenggung menyuruh orangnya berkawal dengan membawa banyak lembing dan perisai serta semua saudagar turut berkawal di kampung masing-masing.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 5 – Peribahasa**

- (i) hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai 2
- (ii) hanya jauhari mengenal manikam/ jauhari jua yang mengenal manikam 2
- (iii) ikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk 2

**[Maksimum : 6 markah]**

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 13 markah

Soalan 7 : 12 markah

Soalan 8 : 10 markah

### Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

#### 1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

#### 2. Soalan 3 markah: Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis	1
Jawapan salah	0

#### 3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

#### 4. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

## Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum

- (i) **Maksud kriteria utama**
- ukuran/ ciri penting/ asas / unggul 2
  - ukuran/ ciri utama 1
  - kriteria penting/ asas / unggul 1

(ii) **Manfaat-manfaat bermain e-sukan dalam kalangan pemain**

**Bahan 1**

- P1 mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi dan tindakan yang pantas
- P2 mampu melakukan 400 pergerakan dalam masa seminit di atas papan kekunci
- P3 mampu menanamkan sikap berdaya saing serta tidak mudah berputus asa dalam kalangan pemainnya

**Bahan 2**

- P1 mampu menjanakan pendapatan yang lumayan buat atlet sehingga mampu bergelar jutawan

**Bahan 3**

- P1 mampu melahirkan banyak pemain industri termasuk atlet
- P2 menjadi pintu masuk kepada pengembangan minat golongan pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

**Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan.**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

(iii) **Usaha-usaha untuk menggalakkan golongan ini menyertai pertandingan e-sukan**

- P1 pihak penganjur menawarkan hadiah/ ganjaran yang lumayan
- P2 pihak kerajaan menganjurkan pertandingan bertaraf antarabangsa
- P3 pihak sekolah mewujudkan kelab/ persatuan e-sukan
- P4 membangunkan prasarana/ kemudahan e-sukan
- P5 memperbanyak bengkel/ kursus tentang permainan e-sukan

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

(iv) **Sebagai sahabat yang prihatin, tindakan-tindakan saya untuk membantunya mengatasi masalah tersebut**

- P1 menasihati/ menegur secara berhemah
- P2 meminta ibu bapa/ ahli keluarga lain menasihati
- P3 mengajak rakan berjumpa kaunselor/ guru
- P4 meminta bantuan rakan-rakan lain untuk menasihatinya
- P5 mencadangkan supaya memilih pertandingan yang sesuai
- P6 mengajak rakan beriadah/ melakukan aktiviti lain

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

## Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera

(i) **Akibat orang yang berkata tanpa berfikir terlebih dahulu**

- P1 merenggangkan hubungan yang akrab
- P2 mengurangkan kemesraan
- P3 mencantas rasa/ perasaan rela

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) **Kesan-kesan sekiranya kita menjaga kata-kata dalam pergaulan**

**Bahan 1**

- P1 tiada hati yang akan terluka

**Bahan 2**

- P1 runtuhlah segala tembok penghalang antara kampung kami dengan estet Tuan Booth
- P2 kami sudah biasa bertandang ke banglo mewah itu
- P3 majlis yang diadakan di estet itu turut disertai oleh orang perempuan
- P4 Isteri Tuan Booth yang terkenal dengan masakannya yang sedap-sedap itu kerap menghidangi kami dengan menu Orang Putih
- P5 pada setiap kali ada majlis perkahwinan, Tuan Booth sekeluarga pasti akan meraikan pasangan pengantin di estetnya

**Bahan 3**

- P1 sejuk hati orang yang mendengarnya
- P2 bertaut kasih sesama insani/ manusia

**Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan. Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi.**

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) **Punca-punca masalah ini berlaku**

- P1 kurangnya didikan agama dan moral oleh ibu bapa
- P2 hedonisme/ terpengaruh dengan budaya barat
- P3 sikap mementingkan diri/ individualistik
- P4 sikap materialistik/ kebendaan
- P5 anggapan budi bahasa tidak penting
- P6 pengaruh media massa/ Internet/ program televisyen/filem

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa**

- P1 menjadi suri teladan kepada anak-anak
- P2 mengamalkan budi bahasa mulia di rumah
- P3 memantau aktiviti/ pergaulan/ rakan sebaya
- P4 menasihati/ menegur anak-anak
- P5 memberikan pendidikan agama dan moral
- P6 membelikan bahan bacaan berkaitan budi bahasa

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]



## Soalan 8 – Novel

- (i) Bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Tauke Lim betah tinggal di desa

- P1 Dia dan keluarganya pandai menyesuaikan diri serta ringan tulang
- P2 Jika ada majlis keramaian seperti kenduri kahwin, dia akan turut rewang
- P3 tidak lupa untuk menyumbang bahan-bahan seperti gula dan beras
- P4 hidupnya sekeluarga macam orang Melayu juga

**Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

### Panduan pemarkahan bagi soalan 8(ii)

- (ii) **Soalan novel: 6 markah**

- a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- d) Bagi 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- e) Markah isi maksimum 4 markah ( 2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian/ huraian.
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

Peristiwa yang memberikan motivasi kepada pembaca

### **Leftenan Adnan Wira Bangsa**

1. **Peristiwa:** Peristiwa Pak Saidi mementingkan didikan agama kepada anak-anaknya walaupun anak-anaknya bersekolah Inggeris. Setiap hari Pak Saidi akan memastikan anak-anaknya solat dan mengaji pada setiap malam

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar mementingkan didikan agama dalam kehidupan.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Leftenan Adnan dan pasukan askar Melayu yang berani berjuang menentang tentera Jepun di Bukit Candu walaupun telah kehabisan peluru.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar berani berjuang menentang musuh walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Adnan memasuki pertandingan pidato bahasa Inggeris walaupun dia belum fasih dan tidak mahir dalam bahasa tersebut. Berkat kesungguhannya berlatih, dia berjaya memenangi pertandingan tersebut.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar gigih melakukan sesuatu perkara sehingga memperoleh kejayaan.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Pak Saidi yang sangat minat membaca tulisan daripada tokoh nasionalis seperti Syed Sheikh al-Hadi. Bagi Pak Saidi, tulisan pengarang tersebut amat membina semangat kebangsaan Melayu.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar rajin membaca untuk menambahkan pengetahuan.

5. **Peristiwa:** Peristiwa Adnan rajin membantu ayahnya bekerja di sawah dan menoreh getah pada waktu cuti sekolah walaupun baru berusia 10 tahun.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar rajin membantu ibu bapa untuk meringankan tugas mereka.

### **Tirani**

1. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda yang memiliki kelulusan ijazah tetapi tidak mengharapkan kerja makan gaji sahaja. Dia membuat pinjaman daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar tidak memilih pekerjaan sebaliknya merancang strategi untuk memajukan diri.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda dan keluarganya bekerjasama menguruskan perniagaan Syarikat Tajau Emas. Bapanya, Fadhil menjadi pemandu pelancong, ibunya Raidah pula menjadi pengurus dapur manakala ibu saudaranya menjadi tukang masak.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar mengamalkan sikap bekerjasama dalam keluarga untuk memajukan bidang perniagaan.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda meminta Izzati untuk menggantung kain pua kumbu Sarawak di atas pintu masuk Restoran Iwana dan Kafe Iwani. Hal ini dilakukan untuk mengekalkan budaya dan warisan peribumi Sarawak.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar mempertahankan adat warisan zaman-berzaman.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda terpilih untuk menyertai Pertandingan Ratu Cantik Miss Tourism International dan dia bercadang untuk memakai pakaian Galoh Oleng yang merupakan pakaian tradisi Sarawak berbanding fesyen pakaian yang berbelah sampai ke paha.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar menjaga tatasusila dan kesopanan apabila berpakaian.

5. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda mengambil alih syarikat Abdul Aziz yang berdepan dengan masalah hutang dengan pihak bank. Perniagaan chalet dan ladang strawberi itu ditukarkan dengan nama Aya-Sajinah.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca agar bijak merebut peluang untuk memperoleh masa depan yang cerah.

**(Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[30 markah]**

**Soalan 9**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) **Isi** – **20 markah**  
(b) **Bahasa** – **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
  - peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.  
(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja, yang **selebihnya tidak perlu diperiksa**.  
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.  
(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.  
(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung pada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>8 – 10 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat yang <i>sangat</i> baik</li><li>• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Baik</b>	<b>5 – 7 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat baik</li><li>• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Sederhana</b>	<b>3 – 4 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik</li><li>• Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Lemah</b>	<b>1 – 2 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami</li></ul>

**Nota:**

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa.
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum : 10 markah]**

**Pendahuluan [2 markah]**

- P1 ... membincangkan usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah / kaedah-kaedah untuk memastikan keselamatan persekitaran semasa bersukan, kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah / manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan kemudahan yang selamat semasa bersukan dan cabaran-cabaran / halangan-halangan/ masalah-masalah / kekangan-kekangan semasa bersukan. 2
- P2 ... membincangkan usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah / kaedah-kaedah memastikan keselamatan persekitaran semasa bersukan 1
- P3 ... kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah / manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan bersukan 1
- P4 ... cabaran-cabaran / kekangan-kekangan/ masalah-masalah / halangan-halangan semasa bersukan 1

**Isi [16 markah]**

**FOKUS 1: usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah / kaedah-kaedah untuk memastikan keselamatan persekitaran semasa bersukan**

**Bahan 1**

- A1 pengurusan risiko aktiviti sukan dan rekreasi merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh pelbagai pihak 2
- A2 setiap aktiviti yang ingin dijalankan oleh seseorang itu perlu mematuhi etika dan aspek tadbir urus risiko sedia ada 2
- A3 pemupukan sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat dalam penjagaan kemudahan dan peralatan yang disediakan oleh pihak kerajaan 2
- A4 pelan kecemasan di tempat sukan perlu disediakan, disemak dan dikemas kini oleh pihak pengurusan setiap tahun 2
- A5 reka bentuk kemudahan yang disediakan juga perlulah mengikut spesifikasi alatan dan piawaian yang ditetapkan 2
- A6 kerja-kerja penyelenggaraan harus dilakukan oleh pihak pengurusan 2

**Bahan 2**

- B1 pemerhatian di sekeliling badan air 2
- B2 demonstrasi cara turun ke dalam air jika kedalaman air tidak diketahui 2

**Bahan 3**

- C1 rujuk aplikasi dalam telefon untuk mengetahui keadaan cuaca semasa 2

**FOKUS 2: kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah / manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan kemudahan yang selamat semasa bersukan**

**Bahan 1**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| D1 | dapat menggalakkan budaya hidup yang sihat dalam kalangan masyarakat.                              | 2 |
| D2 | dapat melahirkan masyarakat yang berpotensi dan boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi | 2 |
| D3 | dapat mengatasi pelbagai risiko kemalangan semasa bersukan   | 2 |

**FOKUS 3: cabaran-cabaran / kekangan-kekangan/ masalah-masalah / halangan-halangan semasa bersukan**

- |    |                                   |   |
|----|-----------------------------------|---|
| E1 | keadaan cuaca yang panas          | 2 |
| E2 | ancaman binatang liar dan jenayah | 2 |

**Kesimpulan [2 markah]**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, keselamatan persekitaran semasa bersukan perlu diperkukuh / ditingkatkan / dititikberatkan / diberi perhatian agar dapat bersukan dengan selamat. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, keselamatan persekitaran semasa bersukan perlu diperkukuh / ditingkatkan / dititikberatkan / diberi perhatian                                     | 2 |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**